SAMPEL PERCUMA

Soalan Percubaan STPM Bahasa Melayu Semester 1 Perak

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A [20 markah]

Jawab semua soalan

1. Pernyataan yang manakah yang benar tentang Bahasa K'un-lun ?

I Bahasa pertuturan di Sriwijaya
II Bahasa rasmi kerajaan Sribhoga
III Merujuk kepada bahasa Melayu kuno
IV Merupakan Bahasa golongan bangsawan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

2.

Dihasilkan semasa pemerintahan kerajaan Sriwijaya dengan menggunakan bahasa Melayu kuno yang berhuruf Palava

Pernyataan di atas merujuk kepada
A batu bersurat di Gandasuli dan Kedukan Bukit
B batu bersurat di Kota Kapur dan Pagar Ruyung
C batu bersurat di Karang Brahi dan Minyc Tujoh
D batu bersurat di Kedukan Bukit dan Talang Tuwo

3.

Diminumnya, membawa, perbuat

Perkataan berimbuhan di atas dalam bahasa Melayu kuno ialah
A niminumna, mawawa, parwuat
B diminumna, marẃawa, perwuat
C niminumnya, marw̆awa, parbuat
D niminumnya, mawawa, marwuat

4.

Mualim pun memujuk pembesar negeri itu. Kemudian, pembesar itu pun membawa mualim ke tempat persembunyian puteri raja. Maka, dibawa oranglah puteri raja itu ke istana. Dengan penuh keikhlasan, mualim pun dikurniakan gelaran oleh tuan puteri.

Ciri Bahasa Melayu klasik yang manakah yang **tidak** terdapat dalam petikan di atas?

A Penggunaan partikel
B Penggunaan ayat majmuk
C Penggunaan struktur ayat pasif
D Penggunaan kosa kata bahasa Arab.

5. Pernyataan yang manakah **tidak** berkaitan dengan tujuan perancangan korpus bahasa Melayu ?

A Untuk menghasilkan satu variasi bahasa yang seragam
B Untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
C Untuk membolehkan semua penutur bahasa Melayu menggunakan variasi bahasa yang sama
D Untuk menghasilkan satu variasi bahasa Melayu yang boleh digunakan dalam pelbagai bidang.

6.

Sepanjang hayat, kita sering diduga oleh pelbagai cabaran. Hakikatnya, cabaran dapat membentuk kita menjadi insan yang baik. Jika kita berusaha dan Berjaya mengatasinya, kita akan dilimpahi kegembiraan dan kesentosaan dalam hidup. Sebenarnya, kunci kejayaan untuk mengatasi apa-apa juga cabaran ialah ketabahan dan kesabaran.

Pernyataan yang manakah yang **tidak** benar tentang ciri bahasa Melayu moden yang terdapat dalam petikan di atas ?

A Bentuk dan ragam ayatnya pelbagai
B Mengandungi kosa kata bahasa Arab
C Makud ayatnya jelas dan mudah difahami
D Melenyapkan unsur pinjaman zaman lampau

7. Imbuhan manakah yang kesemuanya dipinjam daripada Bahasa Sanskrit ?

A juru- . -at, bi-
B tata- , -in, pro-
C pra- , tri- , -man
D -wati , -wi , anti-

8. Apakah faktor bahasa Melayu meminjam kosa kata daripada bahasa asing ?

I Untuk memudahkan bahasa Melayu digunakan oleh penutur bahasa lain
II Untuk mengungkapkan konsep-konsep baharu dalam bahasa Melayu
III Untuk mengimbangi perkembangan bahasa-bahasa lain
IV Untuk melancarkan usaha pemodenan bahasa Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

9. Kajian yang manakah yang termasuk dalam bidang fonetik ?

I Cara penghasilan jenis-jenis bunyi
II Sistem ejaan dan tulisan sesuatu bahasa
III Sistem bunyi sesuatu bahasa yang tertentu
IV Lambang bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10. Perkataan yang manakah mempunyai vokal hadapan separuh sempit pada suku kata pertama dan vokal belakang sepatuh sempit pada suku kata kedua ?

A Peram
B Tempuh
C Pinggan
D Bengkok

11. Perkataan yang manakah kesemuanya konsonannya dihasilkan tanpa getaran pita suara?

I Pacat
II Cakap
III Datang
IV Bayang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12. Padanan yang manakah yang betul antara jenis konsonan dengan cara udara dilepaskan semasa penghasilannya ?

	Jenis konsonan	Cara udara dilepaskan semasa penghasilan
I	Geseran	Melalui tepian lidah
II	Sisian	Menerusi sempitan pada rongga mulut
III	Letusan	Secara perlahan-lahan
IV	Letupan	Dengan serta-merta

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13.

	Fonem	Cara sebutan	Daerah artikulasi
I	t	Letupan	Gusi
II	h	Geseran	Rongga tekak
III	n	Sengauan	Lelangit keras
IV	c	Letusan	Gusi

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

14. Perkataan manakah yang kesemua konsonannya merupakan konsonan bersuara ?

I Dakapan
II Jerumbun
III Gemilang
IV Merempat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

15. Pasangan perkataan yang manakah yang kedua-duanya mempunyai dua konsonan yang diwakili oleh satu lambang fonetik ?

A Berakhir - serangan
B Masyhur - universiti
C Malang - pelayaran
D Senyuman - kemuslihatan

16.

I	Letusan lelangit keras tak bersuara
II	Letupan lelangit lembut bersuara

Contoh perkataan yang manakah mengandungi bunyi I dan bunyi II ?

	I	II
A	Bacaan	Gajah
B	Nyanyi	Nganga
C	Klac	Kelas
D	Jemih	Bunga

17.

Bunyi sengauan			
Gusi	Dua bibir	Lelangit keras	X

Pasangan konsonan manakah yang kedua-duanya mengandungi konsonan sengau yang ditandai oleh X ?

A Nyala, tugasan
B Megah, tenang
C Sengal, banyak
D Penggal, bangun

18.

* Lidah pada mulanya diangkat pada kedudukan untuk mengeluarkan bunyi vokal hadapan luas, kemudian digeluncurkan ke hadapan pada kedudukan untuk menghasilkan bunyi vokal belakang sempit.
* Keadaan bibir berubah daripada biasa menjadi bundar.

Pasangan kata yang manakah mempunyai bunyi yang dihasilkan seperti cara di atas ?

A	Hairan	Bantai
B	Kailan	Pakai
C	Boikot	Amboi
D	Taubat	Lampau

19. Padanan manakah yang betul bagi perkataan yang mempunyai suku kata pinjaman yang berpolakan KKKV dan KKVK ?

	Pola KKKV	Pola KKVK
A	Strawberi	Infrastruktur
B	Transistor	Kontraktor
C	Spektrum	Elektrik
D	Stratifikasi	Introspeksi

20. Pilih ayat yang mengandungi kesalahan tanda baca.

I Amboi! Bergaya sungguh kamu hari ini!
II Novel "Meniti Impian" ditulis oleh Osman Ayob.
III Guru bertanya, "Siapakah yang tidak hadir hari ini?"
IV Hadiah "sagu hati" telah diberikan kepada semua peserta.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV


SMK METHODIST (ACS) IPOH

LATIHAN PENGUKUHAN

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
(Dua jam)

Bahagian A [20 markah]

Jawab **semua** soalan.



1. Yang manakah yang boleh diletakkan pada Y dan Z?
   A Austris, Mikronesia
   B Austroasia, Polinesia
   C Austronesia, Polinesia
   D Austronesia, Halmahera

2. Yang berikut benar tentang bahasa Nusantara **kecuali**
   A dipercayai berasal dari daerah Yunan
   B tergolong dalam rumpun Bahasa Austroasia
   C tersebar meluas hingga ke Pulau Madagascar
   D mengandungi jumlah Bahasa antara 200-300 bahasa

3. Yang manakah padanan yang betul tentang perubahan imbuhan antara bahasa Melayu kuno dengan imbuhan bahasa Melayu moden?

	Bahasa Melayu kuno	*Bahasa Melayu moden*
A	Ni- , ma-	di- , ber-
B	Mang- , mar-	Meng- , ber-
C	Ma- , niper-	Meng- , diper-
D	Nipar- , par-	Diper- , ber-

- Bukti terawal penggunaan bahasa Melayu dalam bentuk tulisan
- Ditulis dengan menggunakan tulisan Palava
- Terdapat campuran antara bahasa Melayu dengan Bahasa Sanskrit

4. Pernyataan di atas merujuk kepada batu bersurat
   A di Kota Kapur
   B di Talang Tuwo
   C di Karang Brahi
   D di Kedukan Bukit

5. Yang manakah merupakan bahan bukti pertama penggunaan tulisan Jawi pada batu bersurat?
   A Batu bersurat di Minye Tujuh
   B Batu bersurat di Karang Brahi
   C Batu bersurat di Kuala Berang
   D Batu bersurat di Pagar Ruyung

6. Yang manakah padanan yang betul antara bahan bukti, tempat ditemukan, dan pengaruh Bahasa dalam perkembangan bahasa Melayu klasik?

	Bahan bukti	*Tempat ditemukan*	*Pengaruh Bahasa*
A	Batu bersurat di Sungai Teresat, Terengganu	Kuala Berang	Sanskrit
B	Batu bersurat di Pagar Ruyung	Jambi	Sanskrit
C	Batu bersurat di Minye Tujuh	Acheh	Arab
D	Batu nisan Sultan Malik al-Salleh	Pasai	Arab

- Kitab Pelita Mengarang
- Kitab Pedoman Guru Penggal 1 dan 2
- Practical Modern Malay: An Introduction to the Colloquial Language

7. Buku-buku di atas telah dihasilkan oleh
   A W. Marsden
   B O.T. Dussek
   C R.O. Winstedt
   D R.J. Wilkinson

8. Antara yang berikut, yang manakah karya pendeta Za'ba?
   I Jalan Bahasa Melayu
   II Pelita Bahasa Melayu
   III Ilmu Mengarang Melayu
   IV Kitab Pengetahuan Bahasa
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

Bahagian B [30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Negara kita mempunyai kelebihan atau keistimewaan dari segi tumbuhan semula jadinya. Hal ini sepatutnya dapat mendorong kita untuk membuat kajian tentang tumbuhan supaya kita dapat meningkatkan ilmu dan kepakaran dalam bidang tersebut. ***Kepakaran kita dalam bidang kajian tentang tumbuhan masih kurang kerana selama ini tumpuan pelajar dan para sarjana kita adalah kepada bidang perindustrian , perkhidmatan, dan lain-lain.*** Kita perlu memanfaatkan kelebihan yang kita miliki, iaitu yang dikatakan bahawa 10% daripada organisma hidup di dunia ini terdapat di Malaysia. Spesies tumbuhan sahaja dianggarkan berjumlah 15,500 dan kebanyakannya masih belum dikaji.

Kajian mengenainya juga penting kerana hasilnya dapat membantu kita untuk mengenal pasti tumbuh-tumbuhan yang mempunyai nilai farmaseutikal, sama ada dari segi perubatan, pemakanan sihat ataupun penjagaan kecantikan. Sebagai contoh, melalui kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa pokok kaduk yang hidup melata mempunyai agen pencegah ulser perut. Pokok dan buah pala juga didapati mempunai potensi untuk dijadikan sebatian ubat, termasuk ubat pelali, manakala rozel pula dikatakan sesuai untuk penjagaan kulit.

Kajian itu juga penting untuk mengenal pasti tumbuh-tumbuhan tertentu yang sesuai di tanam untuk tujuan keseimbangan kandungan udara. Didapati bahawa sesetengah pokok yang mempunyai daun hijau yang lebar dan rimbun dapat membantu penyerapan karbon dioksida dan penghasilan oksigen dengan banyak. Pokok sedemikian sesuai ditanam di kawasan bandar yang kini berhadapan dengan masalah pencemaran udara. Kaedah penjagaan pokok juga penting bukan sahaja untuk memastikan pokok tumbuh subur tetapi juga cantik dan menarik.

Kita mengakui bahawa tumbuh-tumbuhan juga penting sebagai sumber makanan kita. Kajian yang mendalam tentangnya dapat membantu kita untuk mengenal pasti kandungan karbohidrat, vitamin, dan mineral sesuatu jenis tumbuhan. Sesetengah tumbuhan yang sukar dimakan secara mentah pula dapat dicari kaedah mengekstraknya untuk mendapatkan patinya, dan seterusnya dikomersialkan. Selain itu, ada juga tumbuhan yang sesuai untuk makanan haiwan. Ini juga penting dalam usaha kita menemukan makanan haiwan ternakan.

Kajian tersebut penting kepada kita bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga kesihatan. Oleh itu, kajian terhadapnya memang perlu di pertingkatkan.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar